

# Shahidan sanggup lawan Harun Din

16

13 NOV 1999

KANGAR 12 Nov. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim bersikap terbuka untuk berhadapan sesiapa sahaja pada pilihan raya umum nanti, termasuk anggota jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr. Harun Din yang menyatakan kemungkinan bertanding menentangnya di Perlis.

Sungguhpun begitu kata beliau, sekalipun Harun ingin bertanding menentangnya di peringkat Dewan Undangan Negeri Di Perlis, tokoh Pas itu jangan terlalu angkuh dengan keghairahannya.

Menurut Shahidan, terpujanglah kepada Harun sendiri hendak bertanding di mana-mana juga kerana dasar demokrasi yang diamalkan di negara ini membolehkan sesiapa juga berbuat demikian.

Beliau menyatakan perkara ini mengulas laporan bahawa Harun berkeungkinan menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu dan menentang beliau pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perlis.

Shahidan menegaskan perkara ini kepada pemberita pada majlis pelancaran Giat Mara bersama rakyat Parlimen Kawasan Arau di Kampung Seri Gelam, dekat sini hari ini.

Pada majlis jamuan masyarakat Cina di Kaki Bukit, Padang Besar malam tadi, beliau telah menyatakan pendirian yang sama.

Shahidan bagaimanapun sebelum ini pernah memberitahu bahawa beliau akan tetap mempertahankan kawasan lamanya, Tambun Tulang.

Beliau berkata, rakyat perlu melihat kepada perjuangan yang boleh memberikan perlindungan kepada rakyat sebagaimana kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mempunyai rekod pencapaiannya yang sangat baik.

Rakyat di kawasan Arau seperti di Seri Gelam, Bohor Gelam, Longboh, Kampong Baru dan Banat telah sedar terhadap perjuangan Pas yang sia-sia dan mengundang pecah belah sesama masyarakat setempat.

Katanya, mengikuti Pas menyebabkan berlaku pergaduhan sesama sendiri sehingga membawa kepada perselisihan pendapat hidup dan mati.

Malam tadi, Shahidan berkata kalangan masyarakat Cina perlu bersatu di dalam BN untuk menen-

tang musuh yang sama iaitu pembangkang seperti Pas yang menimbulkan pergaduhan sesama sendiri.

Selain itu beliau memberitahu, beliau akan berjumpa dengan Presiden parti, Dr. Mahathir 15 November ini mengusulkan senarai nama-nama calon Perlis untuk pilihan raya kali ini.

Katanya lagi, beliau akan mengisytiharkan nama-nama yang dipilih selepas pulang daripada perjumpaan berkenaan.

Shahidan menjelaskan senarai nama-nama itu yang mengandungi tiga orang bagi tiap-tiap kawasan pilihan raya, disulkan oleh bahagian dan beliau akan memberikan cadangan balas kepada pemilih-an yang dibuat.